# PELAN PEMULIHAN NEGARA - FASA 4
# SEKTOR PAJAK GADAI

Dikemaskini pada 16 Februari 2022

| Waktu Beroperasi | 8.00 pagi – 6.00 petang | Waktu Kehadiran Pelanggan | 8.00 pagi – 6.00 petang | Kapasiti Pekerja | 100% bagi pengurusan pejabat, operasi dan sokongan |
|---|---|---|---|---|---|

### Merangkumi

1) Bayaran balik caj keuntungan atas barang sandaran/ penebusan
2) Pajakan barang sandaran baharu

### Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan

- Sila rujuk perkara yang disenaraikan dalam Senarai Aktiviti Yang Dilarang.

### Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U.(A) 293/2021
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN, KKM dan PBT.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Kebersihan premis | • Proses nyah kuman dan pembersihan dilaksanakan **dua (2) kali sehari** iaitu sebelum dan selepas waktu operasi.<br>• Memastikan ventilasi dan sistem pengudaraan yang baik di premis. |
| Pengurusan pelanggan | • Mengawal laluan keluar masuk pelanggan ke premis.<br>• Memastikan kehadiran pelanggan serta penyedia perkhidmatan pihak ketiga direkodkan.<br>• Menggalakkan pelanggan hadir dengan membuat temu janji.<br>• Memberikan bantuan khusus kepada wanita hamil, Orang Kelainan Upaya (OKU) serta warga emas dan digalakkan untuk menyediakan slot masa serta kaunter khusus serta tempat menunggu berasingan bagi golongan ini.<br>• Mewajibkan had jumlah pelanggan dalam satu-satu masa mengikut keluasan premis dengan penetapan satu (1) orang bagi setiap empat (4) meter per segi ruang lantai niaga. |
| Pengurusan pekerja | • Semua pekerja hendaklah lengkap divaksin COVID-19.<br>• Pekerja hendaklah menjaga kebersihan diri serta mengamalkan penjarakan serta memakai pelitup muka pada setiap masa.<br>• Susun atur pejabat perlu dipastikan agar penjarakan fizikal dikekalkan sekurang-kurangnya satu (1) meter setiap masa.<br>• Elakkan perkongsian peralatan dan meminimakan interaksi antara pekerja serta elakkan berkumpul untuk mengurangkan risiko penyebaran COVID-19.<br>• Syarikat diwajibkan untuk membuat notis peringatan serta mesej berkala kepada kakitangan untuk menjaga kebersihan serta penjarakan fizikal. |

# PELAN PEMULIHAN NEGARA - FASA 4
# SEKTOR PAJAK GADAI

Dikemaskini pada 16 Februari 2022

| Waktu Beroperasi | 8.00 pagi – 6.00 petang | Waktu Kehadiran Pelanggan | 8.00 pagi – 6.00 petang | Kapasiti Pekerja | 100% bagi pengurusan pejabat, operasi dan sokongan |
|---|---|---|---|---|---|

**Merangkumi**

1) Bayaran balik caj keuntungan atas barang sandaran/ penebusan
2) Pajakan barang sandaran baharu

**Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan**

- Sila rujuk perkara yang disenaraikan dalam Senarai Aktiviti Yang Dilarang.

**Arahan Tetap**

- Peraturan 16 P.U.(A) 293/2021
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN, KKM dan PBT.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Saringan kesihatan dan Aplikasi MySejahtera | • Penggunaan aplikasi MySejahtera untuk rekod kehadiran adalah diwajibkan. Penggunaan buku pendaftaran kehadiran pelanggan dibolehkan di kawasan yang tiada liputan internet atau lain-lain alasan yang munasabah (warga emas, ketiadaan telefon pintar dan lain-lain).<br>• Hanya individu dengan status “*Low Risk*” termasuk “*Casual Contact Low Risk*” dalam MySejahtera dibenarkan masuk ke dalam premis. Individu berstatus ‘*Close Contact*’/ ‘*Person Under Surveillance*’/ ‘*Suspected Case*’/ ‘*Confirmed Case*’ dan individu di bawah *Home Surveillance Order* (HSO) adalah tidak dibenarkan sama sekali. |
| Penggunaan *hand sanitizer* | • *Hand sanitizer* disediakan di pintu masuk dan lokasi umum yang bersesuaian dan dipastikan penggunaannya oleh semua individu yang memasuki premis. |
| Pemakaian pelitup muka (*face mask*) | • Pemakaian pelitup muka oleh semua individu yang berada dalam premis adalah diwajibkan. |
| Penjarakan fizikal | • Penandaan bagi penjarakan fizikal pelanggan sekurang-kurangnya satu (1) meter mesti dibuat menggunakan pita kain (*cloth tape*)/ papan tanda berdiri/ apa-apa kaedah bersesuaian.<br>• Memastikan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya satu (1) meter sepanjang masa. |